

25 MAR 2000

Nik Aziz-Raja

NIK AZIZ TAK SETUJU RAJA-RAJA DIMINTA SELESAI ISU PERPECAHAN MELAYU

TEMERLOH, 25 Mac (Bernama) -- Menteri Besar Kelantan Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat tidak bersetuju dengan langkah kerajaan pusat meminta Raja-raja Melayu bertindak menyatupadukan orang Melayu yang berpecah akibat perbezaan politik.

Beliau menyifatkan sebagai "tidak patut" perbuatan Umno meminta Raja-raja Melayu menyelesaikan masalah perpecahan orang Melayu kerana "Ummolah yang menyebabkan perpecahan orang Melayu".

Nik Aziz yang juga Mursyidul Am PAS berkata masalah perpecahan yang dihadapi oleh orang Melayu disebabkan oleh fahaman sekular yang dibawa oleh Umno.

"Semasa Sultan Melaka, Parameswara memeluk Islam dahulu dan semua orang Melayu memeluk Islam kerana ketika itu pelaksanaan hukum Islam dibuat dalam semua bidang. Mari Umno bawa fahaman sekular, barulah orang Melayu berpecah dua," katanya semasa berceramah di Lubuk Kawah dekat sini malam tadi.

Nik Aziz mendakwa Umno bersikap seperti anak-anak yang asyik meminta pertolongan ibu bapa setiap kali menghadapi masalah tanpa mahu berusaha sendiri untuk mengatasi masalah.

"Sikit-sikit suruh Pok (bapa) dan Mok (emak) tolong," katanya.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang bimbang dengan perpecahan orang Melayu akibat perbezaan politik, baru-baru ini menyarankan Raja-raja Melayu bertindak menyatupadukan ummah di Malaysia menerusi majlis agama Islam negeri serta Majlis Fatwa.

Semalam beliau berkata Majlis Raja-raja, pada persidangan mereka Khamis lepas, bersetuju sebulat suara untuk mengambil tindakan tertentu bagi menyatupadukan semula umat Islam di negara ini yang berpecah akibat perbezaan politik.

Nik Aziz mengulangi pendirian PAS mengajak Umno mengadakan muzakarah berhubung perpaduan ummah tetapi menurutnya ia ditolak oleh Umno.

-- BERNAMA

AZ MAI